

GOLONGAN AL-MALA' DALAM AL-QUR'AN AL-
KARIM: KAJIAN MENGENAI SIKAP MEREKA
TERHADAP DAKWAH UTUSAN ALLAH
TA'ALAH

MOHD. FAKHRURAZI BIN ABDUL HALIM

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2009

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ.

II 10 11 12 13 14 15 16 17 18 19 20 21 22 23 24 25 26 27 28 29 30 31 32 33 34 35 36 37 38 39 40 41 42 43 44 45 46 47 48 49 50 51 52 53 54 55 56 57 58 59 60 61 62 63 64 65 66 67 68 69 70 71 72 73 74 75 76 77 78 79 80 81 82 83 84 85 86 87 88 89 90 91 92 93 94 95 96 97 98 99 100

1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 11 12 13 14 15 16 17 18 19 20 21 22 23 24 25 26 27 28 29 30 31 32 33 34 35 36 37 38 39 40 41 42 43 44 45 46 47 48 49 50 51 52 53 54 55 56 57 58 59 60 61 62 63 64 65 66 67 68 69 70 71 72 73 74 75 76 77 78 79 80 81 82 83 84 85 86 87 88 89 90 91 92 93 94 95 96 97 98 99 100

(Sūrat Yu>suf [12]: 111)

Maksudnya:

Demi sesungguhnya, kisah-kisah mereka (nabi-nabi) mengandung pengajaran bagi orang-orang yang mempunyai akal fikiran. Bukanlah ia cerita-cerita yang diadakan-adakan, tetapi ia mengesahkan apa yang tersebut di dalam kitab-kitab yang terdahulu darinya dan ia sebagai keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu serta menjadi hidayah dan rahmat bagi kaum yang beriman.

GOLONGAN *AL-MALA'* DALAM AL-QURAN
AL-KARIM: KAJIAN MENGENAI SIKAP
MEREKA TERHADAP DAKWAH UTUSAN
ALLAH TA'ALA

Oleh:

MOHD. FAKHRURAZI BIN ABDUL HALIM

Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera/Pengajian Islam

Mei 2009

PENGAKUAN

“Penulis akui bahawa tesis ini ialah hasil kerja penulis sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang telah dijelaskan sumbernya.”

Jamdil Akhir 1430 Hijrah
Mei 2009 Masihi

.....
MOHD. FHAKHRURAZI BIN ABDUL HALIM (S-HM0530)

PENGHARGAAN

Segala puji-pujian bagi Alla>h Ta'a>la> Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam kepada Nabi Muhammad s.a.w, sekalian nabi-nabi dan semua pengikut baginda s.a.w.

Pada kesempatan ini, izinkan penulis merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia-penyelia penulis, bermula dengan Dr. Mohd Asri bin Zainul Abidin dan kemudian diteruskan oleh Prof. Madya Dr. Noor Shakirah binti Mat Akhir yang telah memberi tunjuk ajar, bimbingan, saranan dan pandangan kepada penulis bagi menjayakan tesis ini. Tidak penulis lupakan jasa pensyarah-pensyarah bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan dan kakitangan USM terutamanya yang berkhidmat di Institut Pengajian Siswazah.

Penulis juga merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Perak, Padang Rengas, Sekolah Menengah Kebangsaan King Edward VII, Taiping, Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Kangsar dan Taiping, Jabatan Pelajaran Negeri Perak dan Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah memberi ruang dan kebenaran kepada penulis untuk melanjutkan pelajaran.

Buat ibu, bapa, isteri, anak-anak dan kaum keluarga serta sahabat handai yang banyak memberi dorongan dan semangat untuk penulis meneruskan perjuangan ini, pengorbanan kalian amat penulis hargai.

KANDUNGAN

Pengakuan	ii
Penghargaan	iii
Kandungan	iv
Sistem Transliterasi	viii
Senarai Singkatan	x
ABSTRAK	xi
ABSTRACT	xiii
BAB 1: PENGENALAN	
1.1. Pendahuluan	1
1.2. Pernyataan Masalah	5
1.3. Tinjauan Literatur	8
1.4. Skop Kajian	11
1.5. Kepentingan Kajian	12
1.6. Objektif Kajian	13
1.7. Metodologi Kajian	13
BAB 2: <i>AL-MALA'</i> DAN PEMBAHAGIANNYA BERDASARKAN AL-QUR'AN AL-KARIM	
2.1. Maksud <i>al-Mala'</i>	16
2.2. Pembahagian <i>al-Mala'</i> Menurut al-Qur'a>n al-Kari>m	19
2.2.1. <i>Al-Mala'</i> yang Dipuji oleh Alla>h Ta'a>la>	20
2.2.2. Ciri-Ciri <i>al-Mala'</i> yang Dipuji oleh Alla>h Ta'a>la>	38
2.2.3. <i>Al-Mala'</i> yang Dibenci oleh Alla>h Ta'a>la>	44
2.2.4. Ciri-ciri <i>al-Mala'</i> yang Dibenci oleh Alla>h Ta'a>la>	59
2.2.5. <i>Al-Mala'</i> yang Kesamaran sama ada Dipuji atau Dibenci oleh Alla>h Ta'a>la>>	78

BAB 3: RASU>LULLA>H DAN DAKWAH BERDASARKAN AL-QUR'A>N AL-KARI<>M

3.1. Maksud Dakwah	
3.1.1. Maksud Dakwah dari Sudut Bahasa	87
3.1.2. Maksud Dakwah Menurut Istilah Syarak	89
3.1.3. Maksud Perkataan Da'waṭ (دعوة) dalam al-Qur'a>n	91
3.2. Rasu>lulla>h sebagai Pendakwah	95
3.3. Isi Dakwah Para Utusan Alla>h kepada <i>al-Mala'</i>	98
3.3.1. Dakwah untuk Beriman dengan Kerasulan Para Utusan Alla>h Ta'a>la>	98
3.3.2. Dakwah untuk Beriman dengan Wahyu Alla>h Ta'a>la>	110
3.3.3. Dakwah untuk Beriman dan Menyembah Alla>h Ta'a>la>	114
3.3.4. Dakwah untuk Menjauhkan Diri daripada T{a>ghu>t	117
3.3.5. Dakwah untuk Beriman akan Adanya Pembalasan Alla>h Ta'a>la>	123
3.3.6. Melaksanakan Syariat Alla>h Ta'a>la>	133
3.3.7. Menyuruh Melakukan yang Baik dan Mencegah Perkara Keji	136
3.3.8. Berjihad di Jalan Alla>h Ta'a>la>	141
3.4. Kepentingan Dakwah Para Utusan Alla>h kepada <i>al-Mala'</i>	145

BAB 4: PENENTANGAN DAKWAH OLEH AL-MALA' BERDASARKAN AL-QURA<N AL-KARI<M

4.1. Punca-punca Penentangan	155
4.1.1. Menjaga Kedudukan	155
4.1.2. Tamakkan Harta	159
4.1.3. Dicengkam oleh Kezaliman Raja	162
4.1.4. Terbelenggu dengan Sifat Takbur	165
	167

4.1.5. Suka Membantah-bantah	169
4.1.6. Hasutan Syaitan	171
4.1.7. Jahil	173
4.2. Cara-cara Penentangan Dakwah oleh <i>al-Mala'</i>	173
4.2.1. Memberi Alasan	179
4.2.2. Membuat Pelbagai Tuduhan	192
4.2.3. Seruan dan Pujukan	194
4.2.4. Mengugut	196
4.2.5. Rancangan Jahat	
4.3. Kemuncak dan Akibat Penentangan Dakwah oleh <i>al-Mala'</i> Berdasarkan al-Qur'a>n al-Kari>m	200
4.3.1. Malapetaka kepada <i>al-Mala'</i> yang Kafir bagi kaum Nabi Nu>h} 'a.s.	200
4.3.2. Malapetaka kepada <i>al-Mala'</i> yang Kafir bagi kaum Nabi Hu>d 'a.s.	204
4.3.3. Malapetaka kepada <i>al-Mala'</i> yang Kafir bagi Kaum Nabi S{a>lih{ 'a.s.	206
4.3.4. Malapetaka kepada <i>al-Mala'</i> yang Kafir bagi Kaum Nabi Syu'aib 'a.s.	208
4.3.5. Malapetaka kepada <i>al-Mala'</i> yang Kafir bagi Kaum Fir'aun.	210
4.3.6. Balasan kepada <i>al-Mala'</i> yang Kafir secara Umum.	215
BAB 5: PENERIMAAN DAKWAH OLEH <i>AL-MALA'</i> BERDASARKAN AL-QURA<N AL-KARI<M	220
5.1. <i>Al-Mala'</i> yang Menerima Dakwah Ilahiah	220
5.1.1. <i>Al-Mala'</i> yang Menyembunyikan Iman	224
5.1.2. <i>Al-Mala'</i> yang Menyembunyikan Iman dan Menyatakannya apabila Terdesak	232
5.1.3. <i>Al-Mala'</i> yang Beriman Secara Terang-terangan	

5.2. Kebaikan Penerimaan Dakwah oleh <i>al-Mala'</i> Menurut al-Qur'a>n al-Kari>m	234
5.2.1. Mendapat Maklumat dari Pihak Penguasa Kerajaan	234
5.2.2. Membantu Mengembangkan Dakwah	235
5.2.3. Membersih Perkara-perkara Keji Dalam Kerajaan	238
5.2.4. Membimbing Masyarakat ke Jalan Alla>h Ta'a>la>	240
5.2.5. Negeri Makmur dan Berkat	243
5.2.6. Ganjaran Besar di Akhirat	245
5.3. Hakikat Kejayaan Utusan Alla>h dalam Dakwah Terhadap <i>al-Mala'</i> Menurut al-Qur'a>n al-Kari>m	247
5.3.1. Berjaya Menjalankan Amanah Alla>h Ta'a>la>	253
5.3.2. Berjaya Menempuh Pelbagai Ujian dalam Dakwah	255
5.3.3. Alla>h Ta'a>la> Perkenankan Doa Mereka	257
5.3.4. Selamat daripada Malapetaka Alla>h Ta'a>la>	262
5.3.5. Mendapat Kedudukan yang Baik di Sisi Alla>h	267
5.3.6. Menjadi Teladan dan Membuka Peluang kepada Manusia Lain untuk Mendapat Ganjaran Alla>h Ta'a>la>	269
BAB 6: PENUTUP	276
6.1 Kesimpulan	287
6.2 Cadangan dan Saranan	287
6.2.1. Cadangan dan Saranan kepada Kerajaan dan Pemimpin	289
6.2.2. Cadangan dan Saranan kepada Masyarakat	290
6.2.3. Cadangan dan Saranan kepada Pendakwah	291
6.2.4. Cadangan dan Saranan kepada Penyelidik Akan Datang	292
Bibliografi	
SISTEM TRANSLITERASI HURUF ARAB KE HURUF RUMI	

Berdasarkan Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi Dewan Bahasa dan Pustaka, Jawatan kuasa Tetap Bahasa Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia 2003.

Huruf Arab	Huruf Transliterasi	Huruf Arab	Huruf Transliterasi
ا	a	ط	t}
ب	b	ظ	z}
ت	t	ع	'
ث	th	غ	gh
ج	j	ف	f
ح	h{	ق	q
خ	kh	ك	k
د	d	ل	l
ذ	dh	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	و	w
س	s	هـ	h
ش	sy	ء	'
ص	s}	ي	y
ض	d}	ة	ṭ

VOKAL PENDEK

-َـ _____ a

-ِـ _____ i

-ُـ _____ u

VOKAL PANJANG

ا _____ a>

ي _____ i>

و _____ u>

DIFTONG

اي _____ ay

او _____ aw

SENARAI SINGKATAN

'a.s.	– 'alaihi-salam (عليه السلام)
Dr.	– Doktor
Ed.	– Edisi
H.	– Hijrah
h.	– halaman
Ibid	– Ibidem in the same place (di tempat yang sama)
Jil.	– Jilid
Juz.	– Juzuk
r.a.	– rad}iyalla>hu'anhu (رضي الله عنه)
s.a.w.	– sallalla>hu'alaihiwasallam (صلى الله عليه وسلم)
Sdn. Bhd.	– Sendirian Berhad
t. th.	– tanpa tarikh
Terj.	– terjemahan
USM	– Universiti Sains Malaysia
UKM	– Universiti Kebangsaan Malaysia

**GOLONGAN AL-MALA' DALAM AL-QUR'AN AL-KARI'M: SATU
KAJIAN TENTANG SIKAP MEREKA TERHADAP DAKWAH UTUSAN
ALLAH TA'ALA**

ABSTRAK

Allah Ta'ala menurunkan al-Qur'an yang mengandungi pelbagai kisah dakwah para utusan-Nya. Kajian ini adalah mengenai kisah dakwah para utusan Allah kepada golongan *al-mala'* yang terdapat dalam al-Qur'an. *Al-Mala'* ialah golongan pembesar-pembesar masyarakat atau pegawai-pegawai kerajaan. Peranan mereka sangat penting dalam mencorakkan sesebuah negeri. Sekiranya mereka beriman dan mahukan kebaikan, maka seluruh negeri mereka akan mendapat kebaikan, tetapi jika sebaliknya, maka akan berlaku pelbagai kepincangan dalam kerajaan dan kehidupan rakyat. Kajian ini bertujuan untuk mengenali *al-mala'*, mengkaji usaha-usaha dakwah para utusan Allah terhadap mereka dan menganalisis penentangan dan penerimaan mereka terhadap dakwah tersebut menurut al-Qur'an al-Kari'm. Kaedah kepustakaan diaplikasikan dalam kajian ini dengan merujuk kepada huraian ayat-ayat al-Qur'an bersandarkan kepada hadith-hadith Nabi Muhammad s.a.w. yang diterima, kitab-kitab tafsir muktabar dan pelbagai penulisan yang berkaitan dengan tajuk kajian untuk menjelaskan lagi perkara tersebut. Dapatan kajian mendapati bahawa para utusan Allah telah berusaha dengan bersungguh-sungguh menyeru *al-mala'* mengabdikan diri kepada Allah sahaja dengan panduan wahyu Allah supaya hidup mereka diberkati Allah di dunia dan di akhirat. Namun kebanyakan mereka telah menentang dakwah tersebut. Penentangan mereka itu berpunca daripada sifat buruk yang ada dalam diri mereka sendiri dan faktor-faktor luar yang mempengaruhi mereka. Allah telah menurunkan malapetaka semasa keangkuhan mereka sedang memuncak. *Al-Mala'* yang menerima dakwah Ilahiah pula menerima ganjaran kebaikan daripada Allah terhadap diri, masyarakat dan

kerajaan mereka. Kajian ini dapat menjadi pengajaran dan teladan yang berguna kepada seluruh manusia terutamanya kepada para pendakwah dan pemimpin-pemimpin masyarakat.

***AL-MALA' COMMUNITY IN AL-QURAN AL-KARIM: A RESEARCH ON
THEIR ATTITUDE TOWARDS THE DA'WAH OF ALLAH'S MESSENGERS***

ABSTRACT

Alla>h Ta'a>la> reveals al-Qur'a>n which contains numerous accounts pertaining to the *da'wah* of Alla>h's messengers. This research is made with reference to *da'wah* stories in al-Qur'a>n for the *al-mala'* group. *Al-Mala'* refers to the high ranking society members or government officials. They play an important role in the shaping of a country. If these *al-mala'* have faith and desire for goodness, the entire country will be blessed with goodness. However if these *al-mala'* are otherwise, there would be improprieties in the government and in the people's lives. This research intends to identify the *al-mala'* group, recount Alla>h's messengers' effort in spreading the *da'wah* and to analyse the *al-mala'*s opposition and acceptance of the *da'wah* as narrated in the al-Qur'a>n al-Kari>m. The library approach is used for this study by referring to the al-Qur'a>n al-Kari>m. It includes explanations given in the al-Qur'a>n which is further corroborated by the hadith of prophet Muh{ammad s.a.w., the selected *tafsir* and various writings related to this study. The result of the research shows that in spite of the messengers of Alla>h's valiant efforts to persuade the *al-mala'* to only serve Alla>h and to follow Alla>h's *wahyu* to live in a blessed life in this world and the hereafter. Many of them had shown immense opposition towards the *da'wah*. This is due to their own despicable characteristics and other external factors. As such Alla>h befell on them disasters when their arrogance was at its peak. However *al-mala'* who had accepted the divine *da'wah* received blessings from Alla>h for themselves, the society and their government. This research offers a positive lesson and an excellent example for the whole of mankind specifically to those spreading *da'wah* and to the leaders of society.

BAB 1: PENGENALAN

1.1. Pendahuluan

Sesungguhnya, Rasulullah s.a.w telah dibangkitkan untuk berdakwah dan menyampaikan risalah Allah Ta'ala kepada umat manusia untuk kebaikan mereka sendiri.

Firman Allah Ta'ala:



(Surat al-Anbiya' [21]: 107)


Maksudnya:

Tidaklah Aku utus Engkau (Nabi Muhammad) kecuali membawa rahmat ke seluruh alam.

Wahab al-Zuhayli dalam mentafsirkan ayat di atas menyatakan bahawa Allah Ta'ala mengutus Nabi Muhammad s.a.w. dengan memberinya al-Qur'an, hidayah-Nya dan hukum-hukum-Nya. Baginda membawa rahmat untuk seluruh alam terutamanya bagi manusia dan jin. Maka sesiapa yang menolak dan mengabaikannya akan rugi di dunia dan di akhirat.¹

Setelah wafatnya Nabi Muhammad s.a.w maka umat Islam perlu mengambil alih peranan baginda yang mulia itu, supaya kebaikan itu akan terus berkembang dan tidak pupus ditelan zaman.

Firman Allah Ta'ala:



(Surat Ali 'Imran [3]: 104)

Maksudnya:


Dan hendaklah ada antara kamu umat yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), menyuruh berbuat segala perkara yang

¹ Wahab al-Zuhayli. *Al-Tafsi'r al-Muni'r fi al-'Aqidat wa al-Syari'at wa al-Manhaj*. Juz. 17, h. 144.

baik, dan melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Mereka yang bersifat demikian ialah orang yang berjaya.

Sesungguhnya, tidak dinafikan bahawa tugas berdakwah adalah berat dan sukar, lebih-lebih lagi jika berhadapan dengan golongan *al-mala'* yang degil dan berhati batu. Walau bagaimanapun Alla>h Ta'a>la>> tidak membiarkan hamba-hamba-Nya dalam kebingungan kerana cara-cara melaksanakan dakwah telah diberitahu dalam al-Qur'a>n al-Kari>m. Antara yang paling utama ialah;

Firman Alla>h Ta'a>la>>:



(Su>rat al-Nah}l [16]: 125)

Maksudnya:


Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muh}ammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan pengajaran yang baik serta berbahaslah dengan mereka dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya, Tuhanmu jua yang lebih mengetahui orang yang mendapat hidayah.

Seterusnya, pendakwah perlu mengembangkan cara-cara dakwah tersebut, mencari ilmu dan pengalaman, mengetahui halangan-halangan dan merasai kejayaan yang hakiki dalam dakwah sebagaimana yang telah ditempuh oleh para utusan Alla>h Ta'a>la>>.

Oleh itu, bagi mengupas perkara-perkara tersebut dan mengikut jejak-jejak dakwah para utusan Alla>h Ta'a>la>> terdahulu, maka keterangan-keterangan dalam al-Qur'a>n menjadi petunjuk dan panduan kerana hanya Alla>h Ta'a>la>> yang Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana sahaja dapat menceritakan kisah rasul-rasul sejak ribuan tahun dahulu dengan sebenarnya. Tidak ada seorang manusia pun tanpa

merujuk daripada mana-mana kitab Alla>h dengan pasti dapat menceritakan kisah-kisah tersebut.

Firman Alla>h Ta‘a>la>>:




(Su>raṭ A<li ‘Imra>n [3]: 62)

Maksudnya:

Sesungguhnya, inilah kisah-kisah para utusan Alla>h yang benar dan tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Alla>h dan (ingatlah), sesungguhnya Alla>h, Dialah jua yang Maha Berkuasa lagi Maha Bijaksana.

Alla>h Ta‘a>la>> menyebut lagi dalam ayat di bawah ini bahawa Dia mendatangkan kisah-kisah para utusan-Nya melalui al-Qur’a>n dengan panyampaian yang terbaik.

Firman Alla>h Ta‘a>la>>:



(Su>raṭ Yu>suf [12]: 3)


Maksudnya:

Kami ceritakan kepadamu (wahai Muh}ammad) seindah-indah kisah dengan jalan Kami wahyukan kepadamu al-Qur’a>n al-Kari>m ini, padahal engkau sebelum datangnya wahyu itu, adalah daripada orang yang tidak menyedari akan halnya.

Sesungguhnya, Alla>h Ta‘a>la>> tidak menceritakan sesuatu kisah daripada kisah-kisah dalam kitab-Nya melainkan menjadi pengajaran, iktibar dan panduan kepada umat manusia.²

Firman Alla>h Ta‘a>la>>:

² ‘Abd al-Kari>m Zayda>n. *Al-Mustafa>d min Qas}as} al-Qur’a>n li al-Da‘waṭwa al-Du‘a>t*. Juz. 1, h. 9.



(Su>rat Yu>suf [12]: 111)

Maksudnya:

Demi sesungguhnya, kisah-kisah mereka (para rasul) mengandung pengajaran bagi orang yang mempunyai akal fikiran. Bukanlah ia cerita-cerita yang diadakan-adakan, tetapi ia mengesahkan apa-apa yang tersebut dalam kitab-kitab yang terdahulu daripadanya dan ia sebagai keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu, serta menjadi hidayah dan rahmat bagi kaum yang beriman.

Sesungguhnya para utusan Alla>h Ta‘a>la>> telah dibekalkan dengan kekuatan rohani dan jasmani yang cukup tinggi untuk berdakwah dan berusaha memperbaiki kepercayaan dan cara hidup umat mereka yang tersasar daripada jalan Alla>h Ta‘a>la>>. Dalam perjalanan dakwah itu, terdapat pertemuan dan pertembungan dengan *al-mala’*. Mereka adalah salah satu daripada empat golongan yang menjadi sasaran utama dakwah para utusan Alla>h.³ Walaupun bilangan mereka sedikit berbanding dengan rakyat biasa tetapi mereka merupakan golongan yang terkenal dan cukup berpengaruh dalam masyarakat kerana pangkat, kemuliaan dan kepercayaan orang bawahan yang diberikan kepada mereka.

Oleh itu, dakwah para utusan Alla>h Ta‘a>la>> kepada mereka sudah pastinya merupakan kisah yang sangat penting dan menarik serta memerlukan perhatian yang besar daripada setiap muslim.

Di sinilah perlunya suatu kajian yang terperinci tentang sikap *al-mala’* terhadap dakwah Ilahiah yang dibawa oleh utusan Alla>h Ta‘a>la>> berdasarkan al-Qur’a>n al-Kari>m.

³ Empat golongan sasaran dakwah ialah *al-mala’*, manusia kebanyakan, orang munafik dan orang yang melakukan dosa. Lihat: ‘Abd al-Kari>m Zayda>n. *Us}u>l al-Da‘wat*, h. 379.

Mudah-mudahan kajian tersebut dapat dijadikan ingatan dan iktibar kepada setiap pendakwah supaya segala tekanan dan pancaroba yang mereka lalui tidak menyebabkan mereka mudah berputus asa dan lemah semangat, malah mereka menerima keadaan atau kemungkinan-kemungkinan yang berlaku dan yang akan berlaku dengan iman yang teguh.

1.2. Pernyataan Masalah

Sejak dari dulu lagi didapati kejayaan atau kelemahan penerimaan dakwah oleh masyarakat banyak bergantung kepada sikap *al-mala'* yang didakwahkan. Hal ini kerana, golongan ini mempunyai banyak kelebihan berbanding dengan insan yang lain. Mereka mempunyai pangkat, kuasa dan pengaruh terhadap masyarakat dan kerajaan. Mereka juga biasanya memiliki harta benda yang banyak.

Jika *al-mala'* tersebut tidak beriman kepada Allah dan utusan-Nya serta menentang dakwah, maka dakwah tidak akan dapat berjalan dengan lancar dan pelbagai kepincangan serta keburukan akan berlaku dalam negeri. Sebaliknya jika *al-mala'* itu beriman dan menyokong usaha-usaha dakwah, maka kerja dakwah kepada orang awam menjadi lebih mudah. Hal ini kerana rakyat biasanya mudah terpengaruh dan terikut-ikut sedikit demi sedikit seruan yang datangnya daripada pihak atasan.

Umat Islam, pendakwah atau badan-badan gerakan Islam hari ini tidak harus leka dengan kaedah dan cara perjuangan mereka sahaja. Mereka juga jangan berasa kemenangan akan muncul secara tiba-tiba dan dalam masa singkat, sedang persediaan rohani dan jasmani mereka masih kurang untuk mengharungi liku-liku dakwah semasa dan pada masa akan datang.

Pendakwah mesti memahami sikap *al-mala'* yang negatif. Dengan kekuasaan, pengaruh dan harta-benda yang ada pada *al-mala'* yang jahat, mereka

boleh sahaja menghalang perjalanan dakwah Ilahiah, termasuklah melarang pelaksanaan hukum Islam, mengadakan undang-undang yang bercanggah dengan hukum Allah, memerangkap para pendakwah ke dalam penjara, menyeksa rakyat dan sebagainya.

Sejarah telah membuktikan bahawa pemerintah yang zalim dan tidak menyokong dakwah Islam dapat memberi kesan negatif jangka panjang kepada sesuatu negara.

Suatu contoh yang jelas dapat difahami apabila Mustafa Kemal Ataturk (meninggal 1938) selaku presiden Turki bermula pada 3 Mac 1924, beliau dan pembesar-pembesarnya telah merombak sistem pemerintahan, perundangan dan pendidikan yang berlandaskan syariat Islam kepada sistem sekular yang diambil daripada barat.⁴

Melalui dasar yang baru itu mereka menghapuskan syiar Islam dalam masyarakat dan negara. Antara yang mereka lakukan ialah menetapkan hari Ahad sebagai hari cuti mingguan menggantikan hari Jumaat, merubah masjid Aya Sofiya dan masjid al-Fatih} menjadi muzium, mengganti kalendar hijriyah dengan kalendar masihi, melarang wanita daripada memakai hijab, melarang poligami dan mendorong rakyatnya untuk mengadakan pesta tari-menari.⁵

Umat Islam yang memperjuangkan Islam dan menentang dasar kerajaan Mustafa Kemal mendapat tekanan dan tindakan kejam daripada pemerintah, sehingga ada yang dibunuh.⁶

⁴ ‘Abd Allah ‘Azzam, Pengantar dan Analisis; Muhd. Nur Manuty dan M. Redzuan Othman. *Turki Negara Dua Wajah Pengkhianatan Ataturk Terhadap Dunia Islam*. h. 53.

⁵ Ibid, h. 56-57.

⁶ Mustafa Kemal memerintah tenteranya membuat tiang gantung di kawasan lapang di bandar. Bagi mereka yang tidak mahu memakai topi seperti topi yang dipakai oleh orang bukan Islam pada masa itu, digantung hingga mati pada tiang-tiang tersebut. Lihat Abd Allah ‘Azzam, Pengantar dan Analisis; Muhd. Nur Manuty dan M. Redzuan Othman. *Turki Negara Dua Wajah Pengkhianatan Ataturk Terhadap Dunia Islam*. h. 55.

Disebabkan dasar Mustafa Kemal ini, sehingga awal abad 21 negara Turki masih menjalankan sistem sekular ini dalam banyak aspek. Umat Islam Turki yang ingin kembali kepada Islam sebenar masih menghadapi banyak cabaran. Contohnya pemakaian tudung untuk pelajar universiti dan kakitangan awam adalah diharamkan.⁷

Para pendakwah juga perlu memahami sikap *al-mala'* yang positif dan melalui kaedah-kaedah dakwah yang halus, bijaksana serta berkesan akan memberi kesan yang baik kepada perkembangan agama Alla>h Ta'a>la>> di sesuatu tempat.

Contohnya Rasu>lulla>h s.a.w semasa berdakwah di Mekah sebelum hijrah mendapat tentangan hebat golongan *al-mala'* Quraisy. Masyarakat Mekah semasa itu dikenali sebagai masyarakat jahiliah. Hanya sedikit sahaja yang berjaya membebaskan diri daripada unsur-unsur jahiliah dan memeluk Islam. Manakala setelah hijrah, pemimpin-pemimpin kaum di Madinah memberi laluan untuk baginda s.a.w. menjadi ketua negeri Islam Madinah. Maka Madinah dapat dibangunkan dengan baik dan semakin ramai yang memeluk Islam.

Daripada contoh di atas, maka permasalahan mengenai sikap *al-mala'* terhadap dakwah Ilahiah adalah amat penting untuk dikaji dan dicari jalan penyelesaiannya untuk umat Islam menghadapi pelbagai sikap pemerintah. Para pendakwah pula dapat memainkan peranan yang terbaik untuk membangunkan Islam. Maka Al-Qur'a>n sebagai petunjuk daripada Alla>h Ta'a>la>> telah menceritakan dasar-dasar sikap *al-mala'* pada ketika para utusan Alla>h berdakwah menegakkan syariat Alla>h dahulu. Ini boleh membantu umat Islam, pendakwah dan badan-badan gerakan Islam untuk bersedia dalam setiap keadaan. Akhirnya

7

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2002&dt=0715&pub=utusan_malaysia&sec=Luar_Negara&pg=lu_03.htm&arc=hive [15/7/2002]

kesukaran-kesukaran yang dihadapi dan jauhnya perjalanan dakwah itu dapat dihadapi dengan tabah dan tenang.

1.3. Tinjauan Literatur

Pada pengetahuan penulis bahawa belum ada suatu penulisan hasil kajian yang khusus membincangkan sikap *al-mala'* terhadap dakwah utusan Alla>h Ta'a>la>> dalam al-Qur'a>n di Malaysia. Walau bagaimanapun terdapat satu penulisan kajian peringkat sarjana yang menyentuh tentang *al-mala'* yang ditulis oleh Nik Mohd Rosdi bin Nik Ahmad yang bertajuk; *Da'wah Nabi Nu>h{ Analisis Khusus Menurut al-Qur'a>n dan al-Sunnah*, di Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi, 1988.

Penulisan beliau secara umumnya bermatlamat untuk memaparkan kisah asal-usul dan peribadi Nabi Nu>h{ 'a.s., usaha-usaha dakwah baginda, pengajaran di sebalik dakwah tersebut dan ciri-ciri serta tindakan-tindakan orang yang didakwahkan oleh baginda 'a.s.

Dalam bahagian pendahuluan penulisan kajian tersebut menyentuh latar belakang kajian dan diikuti dengan enam bahagian. Bahagian pertama, merupakan perbincangan mengenai peribadi dan asal-usul Nabi Nu>h{ 'a.s. Bahagian kedua pula membincangkan kaum Nabi Nu>h{ 'a.s. termasuklah *al-mala'* dengan memberi penekanan kepada aspek tamadun yang dibina dan sikap mereka terhadap dakwah Nabi Nu>h{ 'a.s. Dalam bahagian ketiga, beliau menyentuh objek dakwah Nabi Nu>h{ 'a.s. iaitu dengan memberi penekanan kepada isi kandungan risalah dakwah baginda 'a.s. Bahagian keempat pula, beliau menghuraikan pendekatan dan cara dakwah Nabi Nu>h{ 'a.s. Dalam bahagian kelima, beliau menyebut hasil atau kesan dakwah Nabi Nu>h{ 'a.s. Bahagian terakhir ialah penutup dan pengajaran daripada kajian beliau. Setelah diteliti penulis mendapati bahawa penulisan beliau ada juga menyentuh hal *al-mala'*. Walau bagaimanapun, hal itu hanya sebahagian kecil daripada penulisan beliau dan merupakan pendedahan asas mengenainya.

Mengenai kitab-kitab yang berkaitan dengan sikap *al-mala'* terhadap dakwah utusan Allah Ta'ala>> berdasarkan al-Qur'a>n pula, terdapat kitab yang ditulis oleh 'Abd al-Kari>m Zayda>n, bertajuk "*Usjul al-Da'wat*" terbitan Muassasat al-Risa>la>t, Beirut, 2001. Kitab itu dibahagikan kepada empat bab. Bab pertama, menjelaskan objektif dakwah iaitu agama Islam, rukun-rukunnya, keistimewaannya, sistem kehidupan dalam Islam dan matlamat-matlamatnya. Bahagian kedua pula ialah mengenai pendakwah, persediaan dan akhlak pendakwah. Seterusnya, pada bahagian ketiga menerangkan sasaran dakwah iaitu *al-mala'*, manusia kebanyakan, golongan munafik dan golongan yang melakukan dosa. Bahagian keempat iaitu bahagian akhir menghuraikan kaedah dan teknik berdakwah.

Setelah diselidiki penulis mendapati bahawa beliau ada menyebut hal *al-mala'*. Beliau meletakkan golongan *al-mala'* sebagai sasaran dakwah yang pertama. Hal tersebut menunjukkan betapa pentingnya dakwah terhadap *al-mala'*. Walau bagaimanapun penjelasan beliau mengenai *al-mala'* adalah sangat terhad.

Kitab yang kedua berkaitan dengan dakwah para utusan Allah terhadap *al-mala'* berdasarkan al-Qur'a>n juga ditulis oleh 'Abd al-Kari>m Zayda>n yang bertajuk "*Al-Mustafa>d min Qas}as} al-Qur'a>n li al-Da'wat wa al-Du'a>t*" terbitan Muassasat al-Risa>la>t, Beirut, 2002.

Beliau telah membahagikan kitab tersebut kepada dua bab yang besar dengan satu jilid untuk satu bab. Dalam bab pertama, beliau menceritakan sejarah para utusan Allah yang disebut dalam al-Qur'a>n sebelum Nabi Muh}ammad s.a.w. Dalam bab kedua pula, beliau mengisahkan perjalanan dakwah Nabi Muh}ammad s.a.w. berdasarkan al-Qur'a>n.

Beliau menggunakan dua pendekatan untuk membincangkan tajuk-tajuk dalam kitab tersebut. Pendekatan pertama, beliau telah mengeluarkan kisah-kisah

para utusan Alla>h yang disebut dalam al-Qur'a>n. Pendekatan kedua pula, beliau membahaskan pengajaran daripada kisah-kisah tersebut bagi kegunaan dakwah dan pendakwah.

Pada keseluruhannya, beliau ada menyentuh hal *al-mala'* dalam kisah-kisah tersebut yang bersesuaian dengan ayat-ayat al-Qur'a>n yang menyebut tentang mereka semasa dakwah para utusan Alla>h berjalan tetapi bukan menjadi topik utama yang dibincangkan. Perkara utama dalam kitab tersebut ialah kisah-kisah para utusan Alla>h yang disebut dalam al-Qur'a>n al-Kari>m.

Kitab yang ketiga yang mempunyai unsur dakwah para utusan Alla>h terhadap *al-mala'* berdasarkan al-Qur'a>n, penulis ditemui dalam penulisan Ah}mad Fa>iz al-H{ums}i> yang bertajuk "*Qas}as} al-Rah{ma>n fi> Z{ila>l al-Qur'a>n*", terbitan Muassasat al-Risa>la>t, Beiru>t, 1995.

Kitab tersebut terdiri daripada empat bahagian besar, satu jilid untuk setiap bahagian. Jilid pertama mengandungi kisah Nabi Adam 'a.s., anak-anak baginda 'a.s., Nabi Nu>h{ { 'a.s., Nabi Hu>d 'a.s. dan Nabi S{a>lih{ 'a.s. Jilid yang kedua mengandungi kisah Nabi Ibrahi>m 'a.s., Nabi Lu>t} 'a.s., Nabi Isma'il 'a.s. dan Nabi Yu>suf 'a.s. Jilid yang ketiga mengandungi kisah Nabi Ya'qu>b 'a.s. dan Nabi Mu>sa> 'a.s. Jilid yang keempat pula mengandungi kisah Bani> Isra>e>l selepas Nabi Mu>sa> 'a.s.

Secara keseluruhannya, kitab beliau tersebut mengandungi kisah rasul-rasul tertentu sahaja. Beliau menghuraikan kisah-kisah tersebut, mengaitkannya dengan dakwah Ilahiah dan cabaran-cabarannya serta memberi pengajaran-pengajarannya berdasarkan al-Qur'a>n, hadith-hadith Nabi Muh}ammad s.a.w. dan kitab-kitab yang berkaitan dengannya. Dalam perjalanan dakwah para utusan Alla>h itulah beliau

menyebut tindakbalas yang dilakukan oleh *al-mala'* yang bukan merupakan topik utama yang dibahasakan.

Kitab yang keempat ditulis oleh S{a>lih{{ 'Abd al-Fatta>h{ al-Kha>lidi yang bertajuk "*Ma'a Qas}as} al-Sa>biqi>n fi> al-Qur'a>n,*" terbitan Dar al-Qalam, Damsyik, 2004. Dalam kitab tersebut, terdapat kisah-kisah para rasul dan bukan rasul yang sebut oleh Alla>h dalam al-Qur'a>n. Beliau membahagikannya kepada tiga bahagian dalam sejilid kitab sahaja. Bahagian yang pertama ialah kisah-kisah Bani>Isra>e>l. Bahagian yang kedua ialah kisah-kisah yang terdapat dalam surah al-Kahf. Bahagian yang ketiga ialah kisah-kisah lain yang terdapat dalam al-Qur'a>n.

Dalam hal tersebut, pendekatan yang digunakan oleh beliau adalah dengan mengeluarkan ayat-ayat al-Qur'a>n dan al-hadith berhubung dengan kisah-kisah tersebut. Beliau juga menyebut dan membersihkan kisah-kisah itu daripada cerita-cerita Isra>e>liyya>t dan yang tiada punca keterangannya. Pada penghujung kisah-kisah itu beliau menyenaraikan pengajarannya untuk pengukuhan iman, dakwah dan jihad. Dalam kitab tersebut terdapat juga keterangan mengenai *al-mala'* iaitu semasa dakwah Ilahiah yang dibawa oleh para utusan Alla>h berjalan.

1.4. Skop Kajian

Kajian ini mengenai golongan *al-mala'* yang terdapat dalam al-Qur'a>n al-Kari>m. Mereka dapat dikenali daripada perkataan *al-mala'* (المالء) yang disebut sebanyak 28 kali dalam al-Qur'a>n,⁸ yang menjadi rujukan utama penulis di samping ayat-ayat lain yang mempunyai hubungkait dengannya dan berkaitan dengan tajuk.

⁸ Su>ra>t al-Baqara>t [2]: 246, Su>ra>t al-'Ara>f [7]: 60, Su>ra>t al-'Ara>f [7]: 66, Su>ra>t al-'Ara>f [7]: 75, Su>ra>t al-'Ara>f [7]: 88, Su>ra>t al-'Ara>f [7]: 90, Su>ra>t al-'Ara>f [7]: 103, Su>ra>t al-'Ara>f [7]: 109, Su>ra>t al-'Ara>f [7]: 127, Su>ra>t Hu>d [11]: 27, Su>ra>t Hu>d [11]: 38, Su>ra>t Hu>d [11]: 97, Su>ra>t Yu>suf [12]: 43, Su>ra>t al-Mu'minu>n [23]: 24, Su>ra>t al-Mu'minu>n [23]: 33, Su>ra>t al-Mu'minu>n [23]: 46, Su>ra>t Syu'ara>' [26]: 34, Su>ra>t al-Naml [27]: 29, Su>ra>t al-Naml [27]: 32, Su>ra>t al-Naml [27]: 38, Su>ra>t al-Qas}as} [28]: 20, Su>ra>t al-Qas}as} [28]: 32, Su>ra>t al-Qas}as}

Sesungguhnya, golongan ini mempunyai kaitan yang rapat dengan dakwah Ilahiah yang dibawa oleh para utusan Alla>h Ta‘a>la>>. Sehubungan itu, kajian ini akan menekankan aspek mengenali sikap mereka terhadap dakwah tersebut. Seterusnya, kajian penulis mencakupi dakwah para utusan Alla>h terhadap mereka yang disebut dalam al-Qur’a>n al-Kari>m.

1.5. Kepentingan Kajian

Kajian ini penting bagi mengupas isu-isu mengenai *al-mala’* dalam Qur’a>n al-Kari>m terutamanya mengenai sikap mereka terhadap dakwah Ilahiah yang dibawa oleh para utusan Alla>h.

Seterusnya, penulis membahagikan *al-mala’* dalam golongan yang dipuji dan golongan yang dibenci oleh Alla>h Ta‘a>la>> berdasarkan ayat-ayat al-Qur’a>n al-Kari>m. Sesungguhnya, Alla>h Ta‘a>la>> bukan sahaja menceritakan kisah-kisah kelakuan *al-mala’* tetapi juga menunjukkan keredhaan terhadap mereka sekiranya mereka beriman dan beramal soleh atau melaknat mereka jika sebaliknya berlaku.

Dapatan kajian ini boleh dijadikan iktibar oleh para penguasa dan pemerintah pada hari ini. Dengan demikian mereka dapat menyesuaikan diri untuk berada dalam golongan yang dikasihi Alla>h Ta‘a>la>>. Seterusnya, mengikuti dakwah Islamiah dan menjauhi diri daripada menjadi golongan penentang gerakan dakwah tersebut.

Kajian ini juga penting untuk menjelaskan kepada umat Islam, pendakwah, para ulama’ dan badan-badan gerakan Islam agar bersedia secukupnya dari pelbagai sudut untuk berhadapan dengan *al-mala’*. Persediaan mereka perlulah berpandukan usaha-usaha dakwah yang ditunjukkan oleh para utusan Alla>h dan pendakwah lain dalam al-Qur’a>n ketika berhadapan dengan golongan *al-mala’*.

[28]: 38, Su>raṭ S}a>f [38]: 6, Su>raṭ Yu>nus [10]: 75, Su>raṭ Yu>nus [10]: 83, Su>raṭ Yu>nus [10]: 88, Su>raṭ al-Zukhruf [43]: 46. Lihat: Muḥ}ammad Fua>d ‘Abd al-Ba>qi>. *Al-Mu’jam al-Mufahras li Alfa>z} al-Qur’a>n al-Kari>m*, h. 846.

Sesungguhnya, adalah suatu kerugian yang amat besar sekiranya pengalaman tersebut tidak dijadikan iktibar, sedangkan antara sebab kejayaan Rasu>lulla>h s.a.w. mengembangkan dakwah Islamiah adalah dengan mengambil panduan dan iktibar daripada perjalanan hidup para utusan Alla>h Ta‘a>la> sebelumnya.

1.6. Objektif Kajian

Objektif-objektif kajian penulis tentang *al-mala'* dalam al-Qur'a>n; sikap mereka terhadap dakwah utusan Alla>h Ta‘a>la>> adalah seperti berikut;

- i. Mengenal *al-mala'* menurut al-Qur'a>n al-Kari>m.
- ii. Mengkaji usaha-usaha dakwah para utusan Alla>h terhadap *al-mala'* dalam al-Qur'a>n al-Kari>m.
- iii. Menganalisis penentangan dan penerimaan *al-mala'* terhadap dakwah para utusan Alla>h menurut al-Qur'a>n al-Kari>m.

1.7. Metodologi Kajian

Kajian ini ialah kajian kepustakaan yang menggabungkan kaedah analisis dan kritis. Penyelidikan yang dilaksanakan berdasarkan analisis terhadap sumber-sumber primer iaitu al-Qur'a>n al-Kari>m, hadith-hadith Nabi Muh}ammad s.a.w yang diterima, kitab-kitab tafsir muktabar dan pelbagai penulisan yang berkaitan dengan tajuk kajian untuk mendapatkan fakta-fakta yang lengkap dan tepat.

Walau bagaimanapun, sumber-sumber sekunder seperti buku-buku terjemahan daripada kitab-kitab asal, penulisan-penulisan dalam majalah dan lain-lain yang tidak bercanggah dengan al-Qur'a>n dan al-Hadith juga penulis gunakan jika sesuai dengan kajian.

Selain itu penulis turut menggunakan metode analisis secara induktif, deduktif dan

komparatif. Metode induktif ialah suatu kaedah analisis yang cuba mendapatkan pembuktian daripada hal-hal yang bersifat khusus untuk mendapatkan kesimpulan umum.⁹ Contohnya penulis membuat kesimpulan umum mengenai pembesar dalam kerajaan. Mereka hendaklah menegur raja mereka dengan penuh hikmah dan memberi hujah-hujah yang jelas berdasarkan wahyu Allah agar tindakan jahat raja mereka terhadap pendakwah tidak dilaksanakan. Ini berdasarkan pembuktian daripada kisah seorang mukmin ahli Fir'aun yang telah dikaji daripada al-Qur'an al-Karim.

Metode deduktif pula merupakan satu kaedah analisis yang cuba mencari pembuktian daripada hal-hal bersifat umum kepada hal-hal bersifat khusus.¹⁰ Contohnya penulis telah membuat kajian daripada hal-hal bersifat umum daripada kisah-kisah para rasul berdasarkan ayat-ayat al-Quran al-Karim, kemudian menyatakan secara khusus bahawa para rasul telah berjaya dalam dakwah mereka kepada al-mala' di sisi Allah walaupun ramai di antara mereka menolak dakwah mereka.

Metode komparatif pula bermaksud membuat perbandingan terhadap data-data yang dikumpulkan. Dalam kajian ini pengkaji membuat perbandingan antara hujah-hujah yang dikemukakan oleh pentafsir-pentafsir al-Quran dan penulis-penulis kitab-kitab dakwah untuk membuat sesuatu kesimpulan.

Mengenai terjemahan al-Qur'an ke Bahasa Melayu, penulis menggunakan kitab *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*, 30 juzuk, diterjemah dan diberikan penjelasan oleh Syeikh 'Abd Allah bin Muhammad Basmeh}, penerbitan Dar al-Fikr, Kuala Lumpur cetakan ke-15 (1998). Kitab ini telah disemak dan disahkan oleh Dato' Haji Muhammad Nur bin Ibrahim, bekas mufti kerajaan Kelantan Dar al-Na'im sebelum diulang cetak lagi (cetakan pertama 1968). Kitab tersebut mendapat keizinan dan di bawah kawalan Jabatan Kemajuan

⁹ Holt, Rinehart dan Winston. *Research Methods in Social Relations*, h. 238.

¹⁰ Mohd. Majid Konting. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, h. 12.

Islam Malaysia (JAKIM).

Dalam bahagian penutup, penterjemah dan penyemak menyebut bahawa mereka menyajikan bahan yang bermutu sesudah mereka mengkaji pelbagai kitab tafsir yang muktabar dan mereka memilih pendapat-pendapat yang munasabah serta mudah difahami. Tujuan mereka agar umat Islam yang menggunakan Bahasa Melayu memahaminya dengan bahasa yang semudah-mudahnya dan dapat melaksanakan maksud al-Qur'a>n dan hukum-hukum Alla>h dalam kehidupan mereka.¹¹ Namun, pengkaji ada mengubah struktur ayat terjemahan supaya struktur ayatnya bersesuaian dengan peredaran masa.

¹¹ 'Abd Alla>h bin Muh}ammad. *Tafsir Pimpinan al-Rah{ma>n kepada Pengertian al-Qur'a>n*, h. xii.

BAB 2: *AL-MALA'* DAN PEMBAHAGIANNYA BERDASARKAN AL-QUR'AN AL-KARIM

2.1. Maksud *al-Mala'*

Perkataan *al-mala'* adalah perkataan Arab. Pada bahasa ia bererti ketua-ketua (الرؤساء). Dinamakan demikian kerana mereka dipenuhi apa sahaja keperluan yang dihajati. Ia juga diertikan sebagai kumpulan (الجماعة). Dikatakan juga mereka itu adalah semulia-mulia kaum (أشراف القوم) dan orang yang ke hadapan dalam kaum mereka yang dirujuk kata-kata mereka (ومقدموهم الذي يرجع إلى قولهم). Ia juga bererti akhlak (الخُلُق), ketinggian (العِلْيَة), tamak (الطمع) dan anggapan (الظن).¹²

Dalam kamus terjemahan bahasa Arab ke bahasa Melayu pula menyebut bahawa *al-mala'* bererti kaum bangsawan, golongan pembesar atau orang ramai.¹³

Jelaslah di sini bahawa *al-mala'* dari segi bahasa membawa maksud ketua-ketua, pembesar-pembesar sesuatu kaum atau golongan yang tinggi kedudukannya, di samping kemungkinan adanya sifat-sifat murni dan sebaliknya.

Takrif *al-mala'* pada istilah adalah seperti tersebut dalam *Tafsi>r al-Qurt}ubi>* iaitu golongan yang berpangkat tinggi daripada kalangan manusia, seolah-olah mereka dipenuhi oleh kemuliaan (pada pandangan manusia).¹⁴ Dalam kitab *al-Mu'jam al-Was}it*, menyebut *al-mala'* bererti golongan yang paling mulia (pada pandangan manusia) dan menjadi pusat perhatian mereka.¹⁵ Ibn Kathi>r (Isma>'i>l bin 'Umar bin Kathi>r, meninggal 774H)¹⁶ pula memberi takrif *al-mala'* dengan lebih ringkas iaitu orang kenamaan, ketua-ketua kaum, pemimpin-pemimpin

¹² Ibn Manz{u>r, Jama>l al-di>n Muh}ammad. *Lisa>n al-'Arab*. Juz. 1, h. 159 - 160.

¹³ Husi>n bin Unang. *Qamus al-T{ulla>b*, h. 965.

¹⁴ Al-Qurt}ubi>, Muh{ammad bin Ah}mad, *Al-Ja>mi' li Ah}ka>m al-Qur'a>n*. Juz. 2, h. 222.

¹⁵ Ibrahi>m Mus}t}afa>. *Al-Mu'jam al-Was}it*, h. 882.

¹⁶ Ibn Kathi>r, Isma>'i>l bin 'Umar bin Kathi>r. *Tafsi>r al-Qur'a>n al-'Az}ji>m*. Juz. 1, h. 7.

dan pembesar-pembesar kaum.¹⁷ ‘Abd al-Kari>m Zayda>n pula menyatakan bahawa *al-mala’* ialah ketua, pemimpin dan pembesar-pembesar dalam masyarakat.¹⁸ Ini bermakna *al-mala’* adalah golongan atasan dan mempunyai pengaruh yang mana masyarakat melihat mereka sebagai pembesar dan pemimpin mereka. Oleh itu, mengikut kebiasaannya mereka akan memimpin dan mengetuai masyarakat.¹⁹

Jelaslah bahawa *al-mala’* dari segi istilah bermaksud mereka yang memimpin dan dimuliakan oleh sesuatu kaum manusia.

Manakala daripada keterangan ayat al-Qur’a>n didapati *al-mala’* itu hanyalah pembesar-pembesar kaum dalam sesebuah negeri, bukanlah mereka itu raja atau sultan bagi sesuatu kerajaan atau negeri.

Perkara tersebut dapat difahami daripada firman Alla>h Ta’a>la>>;



(Su>rat al-Baqarat [2]: 246)

Maksudnya:

Tidakkah engkau ketahui (wahai Muhammad), tentang (kisah) al-mala’ dari Bani> Isra>e>l sesudah (wafatnya) Nabi Mu>sa>, iaitu ketika mereka berkata kepada nabi mereka: “Lantiklah seorang raja untuk kami supaya boleh berperang (bersama-sama dengannya) pada jalan Alla>h.”

Ayat di atas dengan terang menunjukkan bahawa *al-mala’* bukanlah raja dan mereka memerlukan seorang raja yang mereka harapkannya untuk memimpin dan menyatukan mereka semua.

Keterangan itu juga menjelaskan bahawa *al-mala’* itu boleh wujud sebelum wujudnya raja. Ini juga menunjukkan bahawa mereka itu ialah pembesar-pembesar dalam sesebuah negeri yang berada di bawah pemerintahan seorang raja.

¹⁷ Ibn Kathi>r, Isma>‘i>l bin ‘Umar bin Kathi>r. *Tafsi>r al-Qur’a>n al-‘Azji>m*. Juz. 3, h. 310.

¹⁸ ‘Abd al-Kari>m Zayda>n. *Al-Mustafa>d min Qas}as} al-Qur’a>n*, h. 135.

¹⁹ ‘Abd al-Kari>m Zayda>n. *Us}u>l al-Da’wa}t* h. 380.

Seperti yang telah ditakrifkan bahawa *al-mala'* itu pembesar-pembesar sesebuah negeri, maka didapati bahawa mereka boleh wujud dengan diperkenankan perlantikan mereka oleh seseorang raja yang memerintah bagi sesebuah negeri dan mereka menjadi tempat rujukan kepada raja mereka. Perkara ini dapat difahami apabila Nabi Yu>suf 'a.s. dilantik menjadi salah seorang pembesar Mesir masa itu yang mana sebelumnya baginda bukanlah seorang pembesar.

Firman Alla>h Ta'a>la>>:



(Su>raṭ Yu>suf [12]: 54-55)

Maksudnya:

Dan berkata raja (Mesir): “Bawalah Yu>suf ‘a.s. kepadaku, aku hendak menjadikan dia orang yang khas untukku bermesyuarat dengannya.” Setelah berkata-kata dengannya (serta mengetahui kebijaksanaannya), raja berkata: “Sesungguhnya, engkau pada hari ini seorang yang berpangkat tinggi lagi dipercayai di kalangan kami.” Nabi Yu>suf ‘a.s. berkata: “Jadikanlah aku pengurus perbendaharaan hasil bumi (Mesir), sesungguhnya, aku sedia menjaganya dengan sebaik-baiknya lagi mengetahui cara mentadbirnya.”

Ayat di atas menunjukkan bahawa raja Mesir melantik Nabi Yu>suf 'a.s. sebagai pembesar (*al-mala'*) bagi kerajaan Mesir dan yang menjalankan tugas-tugas tertentu dengan izinnya serta menjadi rujukannya bagi menyelesaikan sesuatu masalah.

Al-mala' yang disebut di atas berbeza sama sekali dengan *al-mala' al-'Ala>* (الملا الأعلى) kerana *al-mala' al-'Ala>* adalah ditujukan kepada malaikat,²⁰ sebagaimana yang disebutkan oleh Alla>h Ta'a>la>> dalam firman-Nya;



²⁰ Ibn Kathi>r, Isma>'i>l bin 'Umar bin Kathi>r. *Tafsi>r al-Qur'a>n al-'Azji>m*. Juz. 7, h. 6.

(Su>rat al-S{a>ffa>t [37]: 8)

Maksudnya:


Mereka (syaitan) tidak dapat memasang telinga untuk mendengar percakapan malaikat (penduduk langit).

Daripada kupasan-kupasan di atas, disimpulkan bahawa *al-mala'* dari segi istilah bermaksud mereka yang memimpin sesuatu kaum manusia atau pegawai-pegawai bagi sesuatu kerajaan. Sekiranya dilihat pada masa kini mereka itu adalah seperti ketua kampung, penghulu, wakil rakyat, pegawai-pegawai dan menteri-menteri sesuatu negeri atau negara, sama ada negeri atau negara itu mempunyai raja atau tidak.

2.2. Pembahagian *al-Mala'* Menurut al-Qur'a>n al-Kari>m

Sesungguhnya, al-Qur'a>n al-Kari>m ialah petunjuk Alla>h Ta'a>la>> yang memisah antara kebenaran dan kesesatan. Al-Qur'a>n al-Kari>m juga mengandungi ayat-ayat yang memisahkan antara golongan manusia yang mengikut jalan yang benar dengan yang terpesong daripada kebenaran dan berada dalam kesesatan.

Firman Alla>h Ta'a>la>>:



(Su>rat al-Insa>n [76]: 3)

Maksudnya:

Sesungguhnya Kami telah menunjukkan kepadanya akan jalan-jalan (yang benar dan yang salah). Maka terserahlah kepadanya sama ada ia bersyukur (dengan beriman dan taat) atau kufur (dengan mengingkari kebenaran atau menjadi jahat).

Golongan yang mengikut jalan benar adalah yang dipuji oleh Alla>h Ta'a>la>> sementara yang sesat adalah dibenci-Nya. Golongan manusia yang dipuji atau dibenci itu, boleh berlaku di semua peringkat manusia, sama ada golongan raja, *al-mala'* atau orang bawahan.

Golongan *al-mala'* yang dipuji, tidak disebut secara khusus mengenainya dalam al-Qur'a>n al-Kari>m. Walaubagaimanapun mereka itu tetap wujud. Mereka itu ditonjolkan dan diketengahkan oleh Alla>h Ta'a>la>> daripada kisah-kisah yang terdapat dalamnya. Mereka itu diletakkan sebagai *al-mala'* yang dipuji berdasarkan pengertiannya yang telah disebutkan sebelum ini. Mereka itu bukan orang biasa tetapi orang yang berpangkat tinggi dalam sesuatu kerajaan dan dalam masa yang sama mereka mengikut jalan yang benar dan dipuji oleh Alla>h Ta'a>la>>.

Golongan *al-mala'* yang dibenci pula terdapat dalam ayat-ayat yang jelas dan ayat-ayat yang secara tidak langsung mengaitkan *al-mala'* itu dengan sikap mereka yang buruk di sisi Alla>h Ta'a>la>>. Mereka itu tidak berada di bawah pimpinan Alla>h Ta'a>la>> dan menjadi penentang dakwah yang dibawa oleh para utusan Alla>h Ta'a>la>>.

Seterusnya diperincikan kedua-dua golongan tersebut.

2.2.1. *Al-Mala'* yang Dipuji oleh Alla>h Ta'a>la>>

Sesungguhnya, *al-mala'* yang dipuji oleh Alla>h Ta'a>la>> tidak disebut nama atau panggilan mereka secara jelas kecuali beberapa orang sahaja yang boleh diambil kira dan dimasukkan sebagai *al-mala'* berdasarkan takrif yang telah dibincangkan sebelum ini.

Mereka yang termasuk golongan *al-mala'* yang terpuji di sisi Alla>h Ta'a>la>> yang disebut dalam al-Qur'a>n al-Kari>m ialah;

a. Nabi Yu>suf ‘a.s.

Beliau ialah Yu>suf bin Ya‘qu>b bin Ish}a>q bin Ibrahi>m.²¹ Baginda telah menjadi salah seorang *al-mala’* negeri Mesir dengan memegang jawatan sebagai Menteri Perbendaharaan Negara.

Firman Alla>h Ta‘a>la>>:



(Su>rat Yu>suf [12]: 54-55)


Maksudnya:

Dan berkata raja (Mesir): “Bawalah Yu>suf kepadaku, aku hendak menjadikan dia orang yang khas untukku bermesyuarat dengannya.” Setelah berkata-kata dengannya (serta mengetahui kebijaksanaannya), raja berkata: “Sesungguhnya, engkau pada hari ini seorang yang berpangkat tinggi lagi dipercayai di kalangan kami.” Nabi Yu>suf ‘a.s. berkata: “Jadikanlah aku pengurus perbendaharaan hasil bumi (Mesir), sesungguhnya, aku sedia menjaganya dengan sebaik-baiknya lagi mengetahui cara mentadbirnya.”


Nabi Yu>suf ‘a.s. menjadi Menteri Perbendaharaan Negara, suatu jawatan yang sangat penting dalam sesuatu kerajaan. Sesungguhnya, beliau telah diberi penghormatan dan kepercayaan yang sangat besar itu oleh raja Mesir pada masa itu kerana dua sebab utama:

Pertama; baginda telah berjaya menyatakan tafsiran mimpi raja tersebut yang tidak dapat dijawab oleh mana-mana *al-mala’* raja itu. Ini memberi bukti kebijaksanaan dan ketinggian ilmu Nabi Yu>suf ‘a.s.

Firman Alla>h Ta‘a>la>>:



²¹ Ibn Kathi>r, Isma>‘i>l bin ‘Umar bin Kathi>r. *Qas}as} al-Anbiya>*, h. 212.



 (Su>rat Yu>suf [12]: 43-44)


Maksudnya:

Dan berkata raja Mesir: “Sesungguhnya, aku bermimpi melihat tujuh ekor lembu gemuk dimakan oleh tujuh ekor lembu kurus, tujuh tangkai biji-bijian hijau dan tujuh tangkai yang kering. Wahai al-mala’! Terangkanlah kepadaku tentang mimpiku ini, kalau kamu orang yang pandai mentafsir mimpi. Mereka menjawab: “Yang demikian itu ialah mimpi yang bercampur aduk dan kami bukanlah orang yang mengetahui mimpi-mimpi begitu.”

Persoalan mimpi raja tidak dijawab dengan tepat dan memuaskan oleh pembesar-pembesar raja tersebut (berdasarkan ayat di atas) iaitu mereka menggambarkan mimpi itu seperti suatu mimpi yang bercelaru yang tidak jelas kebenarannya.²²

Semasa itulah seorang pelayan raja itu memberitahu tentang kebolehan Nabi Yu>suf ‘a.s. mentafsir mimpi. Dia tahu mengenai kebolehan Nabi Yu>suf ‘a.s. itu kerana dia pernah tinggal bersama baginda dalam penjara.

Firman Alla>h Ta‘a>la>>:



 (Su>rat Yu>suf [12]: 36)

Maksudnya:


Dan masuklah bersama-samanya dua orang khadam raja ke dalam penjara. Salah seorang kepada Nabi Yu>suf : “Sesungguhnya, aku bermimpi melihat diriku memerah anggur.” Berkata pula yang seorang lagi: “Sesungguhnya, aku bermimpi melihat diriku menjunjung roti atas kepalaku, yang sebahagiannya dimakan oleh burung.” (Kemudian keduanya berkata): “Terangkanlah kepada kami akan tafsirnya.

²²Al-As}faha>ni>. Mufrada>t Alfa>z} al-Qur’a>n, h. 509. Lihat juga ‘Abd Alla>h bin Muh}ammad. Tafsir Pimpinan al-Rah{ma>n, h. 446. Mimpi itu dikatakan mimpi yang bercampur aduk dengan khayalan dan angan-angan yang tidak jelas maksudnya.

Sesungguhnya, kami memandangmu daripada orang yang berbuat kebaikan.”

Semasa dalam penjara itu pelayan raja dan rakannya telah menceritakan mimpi mereka dan mendapat tafsiran mimpi yang benar daripada Nabi Yu>suf ‘a.s.

Firman Alla>h Ta‘a>la>>:




(Su>rat Yu>suf [12]: 41)

Maksudnya:

“Wahai sahabatku berdua yang sepenjara, (tafsir mimpi kamu itu ialah): salah seorang daripada kamu akan memberi minum arak kepada tuannya, seorang lagi akan dipalang serta burung pula akan makan sebahagian kepalanya. Telah selesailah (dan tetaplah berlakunya) perkara yang kamu tanyakan itu.”

Setelah itu Nabi Yu>suf ‘a.s. berpesan kepada sahabatnya itu yang akan keluar dari penjara dan menjadi pelayan raja agar memperingatkan rajanya mengenai hal baginda ‘a.s. yang telah sekian lama di penjara.

Firman Alla>h Ta‘a>la>>:



(Su>rat Yu>suf [12]: 42)

Maksudnya:

Dan berkatalah Yu>suf kepada orang yang ia percaya akan terselamat antara mereka berdua: “Sebutkanlah perihalku kepada tuanmu (setelah dibebaskan dari penjara).” Lalu ia dilupakan oleh syaitan untuk menyebut (hal Yu>suf) kepada tuannya dengan sebab itu tinggallah Yu>suf di dalam penjara beberapa tahun.


Sayyid Qut}ub menyebut bahawa Nabi Yu>suf ‘a.s. suka jika berita mengenainya yang dipenjarakan tanpa perbincangan itu sampai kepada raja yang

memerintah ketika itu.²³ Jika perbicaraan sebenar berlaku mungkin baginda ‘a.s. dapat bebas daripada penjara dengan segera.

Setelah sahabat Nabi Yu>suf ‘a.s. yang menjadi pelayan raja keluar daripada penjara, dia telah dilupakan oleh syaitan akan pesanan Nabi Yu>suf ‘a.s., menyebabkan baginda ‘a.s. terus tinggal dalam penjara beberapa tahun lagi. Ibn Kathi>r menyebut bahawa Muja>hid bin Jabir al-Makki> (meninggal 102/103H.)²⁴ dan Qata>daṭ bin Da‘a>maṭ (meninggal 117H)²⁵ berkata perkataan البضع dalam ayat di atas bermakna Nabi Yu>suf ‘a.s. tinggal dalam penjara antara tiga hingga sembilan tahun.²⁶ Wahbaṭ al-Zuh{ayli> juga bersetuju dengan pendapat ini.²⁷ Ibn ‘Abba>s r.a. (‘Abd Alla>h bin ‘Abba>s, meninggal 65H)²⁸ pula berkata, dua belas tahun dan al-D{uh{a>k bin Muza>him al-Khurasani> (meninggal 100H)²⁹ berkata, empat belas tahun.³⁰

Nabi Yu>suf ‘a.s. tinggal sekian lama dalam penjara hinggalah sahabat baginda ‘a.s. yang menjadi pelayan raja itu mendengar berita bahawa rajanya mahu mentafsir mimpi barulah dia teringatkan baginda ‘a.s.

Firman Alla>h Ta‘a>la>>:



(Su>raṭ Yu>suf [12]: 45)

Maksudnya:

Dan (pada ketika itu) berkatalah orang yang terselamat antara mereka yang berdua itu dan yang baru teringat (akan pesanan Nabi Yu>suf ‘a.s.) sesudah berlalu suatu masa yang lanjut: “Aku akan memberitahu kepada kamu

²³ Sayyid Qut}ub. *Fi> Z}jila>l al-Qur’a>n*. Juz. 4, h. 1992.

²⁴ Manna>‘ al-Qat}t}a>n, *Maba>h}ith fi> ‘Ulu>m al-Qur’a>n*. h. 384.

²⁵ Muh}ammad bin ‘Ali>. *T{abaqa>t al-Mufasssiri>n*. Jil. 1, h. 47.

²⁶ Ibn Kathi>r, Isma>‘i>l bin ‘Umar bin Kathi>r. *Tafsi>r al-Qur’a>n al-‘Az}ji>m*. Juz. 4, h. 272.

²⁷ Wahbaṭ al-Zuh{ayli>. *Al-Tafsi>r al-Muni>r fi> al-‘Aqi>daṭ wa al-Syari>‘aṭ wa al-Manhaj*. Juz. 12, h. 271.

²⁸ Manna>‘ al-Qat}t}a>n, *Maba>h}ith fi> ‘Ulu>m al-Qur’a>n*. h. 382.

²⁹ Muh}ammad bin ‘Ali>. *T{abaqa>t al-Mufasssiri>n*. Jil. 1, h. 222.

³⁰ Ibn Kathi>r, Isma>‘i>l bin ‘Umar bin Kathi>r. *Tafsi>r al-Qur’a>n al-‘Az}ji>m*. Juz. 4, h. 272.